

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pencapaian akademik dan gaya pembelajaran pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan serta melihat sama ada terdapat perbezaan dari segi pencapaian akademik dan gaya pembelajaran berdasarkan jantina dan aliran pengajian. Selain daripada itu kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada terdapat korelasi antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik di antara pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Kajian ini menggunakan ^{datanya} dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif menggunakan frekuensi, peratusan, min dan sisisian lazim bagi menerangkan tentang gaya pembelajaran pelajar dan pencapaian akademik. Manakala statistik inferensi menggunakan ujian-t bagi melihat perbezaan gaya pembelajaran dan pencapaian akademik antara pelajar lelaki dengan perempuan. Ujian Anova (Satu-Hala) digunakan bagi melihat perbezaan gaya pembelajaran dan pencapaian akademik antara pelajar berdasarkan aliran pengajian. Manakala statistik Korelasi Pearson digunakan bagi melihat perhubungan atau korelasi antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik.

Pembentangan dapatan kajian dalam bab ini meliputi:

- i. Pencapaian akademik pelajar
- ii. Gaya pembelajaran pelajar
- iii. Perbandingan pencapaian akademik pelajar berdasarkan jantina
- iv. Perbandingan pencapaian akademik pelajar berdasarkan aliran pengajian
- v. Perbandingan gaya pembelajaran pelajar berdasarkan jantina
- vi. Perbandingan gaya pembelajaran pelajar berdasarkan aliran pengajian
- vii. Korelasi antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik.

4.2 Pencapaian Akademik Pelajar

Pencapaian akademik pelajar adalah berdasarkan keputusan peperiksaan Semester satu yang diadakan pada bulan Jun 1999. Pencapaian akademik pelajar secara keseluruhan adalah seperti dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1

**Pencapaian Akademik Pelajar Secara Keseluruhan
Berdasarkan Gred**

Gred Kelulusan	Bilangan	Peratus
Agregat kurang dari 20	3	3.1
Agregat 21-30	39	40.2
Agregat lebih dari 31	55	56.7
Jumlah	97	100.0

Jadual 4.1 menunjukkan pencapaian akademik pelajar secara keseluruhan. Berdasarkan jadual tersebut didapati seramai 3 orang pelajar (3.1%) berpencapaian tinggi atau mendapat agregat kurang dari 20, 39 orang pelajar (40.2%) berpencapaian sederhana atau mendapat agregat 21 hingga 30, 55 orang pelajar (56.7%) berpencapaian rendah atau mendapat agregat lebih dari 31 dalam peperiksaan semester satu.

Analisis pencapaian akademik berdasarkan bilangan agregat yang lebih terperinci pula adalah seperti dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2

Pencapaian Akademik Pelajar Berdasarkan Bilangan Aggregat

Bilangan Agregat	Bilangan	Peratus
10 Agregat dan kurang	0	0
11 hingga 15 Agregat	0	0
16 hingga 20 Agregat	3	3.1
21 hingga 25 Agregat	16	16.5
26 hingga 30 Agregat	23	23.7
31 hingga 35 Agregat	27	27.8
36 Agregat dan lebih	28	29.9
Jumlah	97	100.0

Berdasarkan jadual 4.2, didapati tidak ada pelajar yang mendapat agregat 15 ke bawah. Seramai tiga orang (3.1%) mendapat agregat 16 hingga 20, 16 orang (16.5%) mendapat agregat 21 hingga 25, 23 orang (23.7%) mendapat agregat 26 hingga 30 dan 27 orang (27.8%) mendapat agregat 31 hingga 35. Manakala seramai 28 orang (29.9%) mendapat agregat 36 dan lebih.

4.3 Gaya Pembelajaran Pelajar

Gaya pembelajaran pelajar adalah berdasarkan kepada *Learning Style Inventory* yang dibina oleh Dunn, Dunn and Price (1985). Berdasarkan inventori ini terdapat 22 elemen yang teraangkum dalam empat faktor rangsangan utama dalam gaya pembelajaran pelajar iaitu rangsangan oleh persekitaran, emosi, sosiologikal dan fizikal.

Elemen yang termasuk dalam rangsangan persekitaran ialah bunyi, cahaya, suhu dan rekabentuk suasana pembelajaran. Elemen yang termasuk dalam rangsangan emosi ialah motivasi kendiri, ketekunan atau kegigihan, sikap tanggungjawab dan struktur. Elemen yang termasuk dalam rangsangan sosiologikal ialah belajar sendiri atau dengan rakan sebaya, kehadiran orang yang berautoriti dan belajar dengan pelbagai cara. Manakala elemen yang terkandung dalam rangsangan fizikal ialah belajar dengan deria pendengaran, belajar dengan deria penglihatan, belajar dengan menggunakan deria rasa atau sentuhan, belajar dengan membuat sesuatu, keperluan makanan atau minuman, keperluan masa lewat petang, keperluan

masa lewat pagi, keperluan masa petang, keperluan mobiliti, motivasi oleh ibu bapa dan motivasi oleh guru.

Jadual 4.3 menunjukkan hasil analisis gaya pembelajaran pelajar bagi melihat gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Negri Sembilan.

Jadual 4.3

Analisis Gaya Pembelajaran Pelajar Secara Keseluruhan Berdasarkan Faktor Rangsangan

Rangsangan Pembelajaran	Skor Min	Sisihan Lazim	Urutan Keutamaan
1. Rangsangan Sosiologikal	3.614	0.425	1
2. Rangsangan Emosi	3.609	0.231	2
3. Rangsangan Fizikal	3.608	0.253	3
4. Rangsangan Persekutaran	3.087	0.269	4

Jadual 4.3 menunjukkan analisis gaya pembelajaran pelajar secara keseluruhan berdasarkan faktor rangsangan. Skor min digunakan bagi menyusun urutan faktor rangsangan yang menjadi keutamaan atau dominan kepada pelajar. Berdasarkan jadual tersebut, didapati skor min bagi faktor rangsangan sosiologikal ialah 3.614, skor min bagi faktor rangsangan emosi ialah 3.609, skor min bagi faktor rangsangan fizikal ialah 3.608 dan skor min bagi faktor rangsangan persekitaran ialah 3.087. Berdasarkan dapatan ini dapat dirumuskan bahawa gaya pembelajaran pelajar

secara keseluruhannya adalah dipengaruhi oleh keempat-empat faktor rangsangan ini, tetapi, berdasarkan skor min tertinggi, gaya pembelajaran yang dominan atau utama adalah dirangsang oleh faktor rangsangan sosiologikal. Ini diikuti oleh faktor rangsangan emosi, fizikal dan persekitaran.

Bagi melihat secara terperinci gaya pembelajaran pelajar, analisis secara terperinci bagi setiap elemen dalam gaya pembelajaran dilakukan. Hasil analisisnya adalah seperti dalam Jadual 4.4 di bawah.

Jadual 4.4

Analisis Gaya Pembelajaran Pelajar Secara Keseluruhan

Berdasarkan Elemen Elemen Gaya Pembelejaran		Skor Min	Sisihan Lazim	Urutan Keutamaan
1.	Belajar dengan pelbagai cara	4.222	0.505	1
2.	Struktur	4.178	0.485	2
3.	Motivasi oleh guru	4.116	0.571	3
4.	Belajar dengan menggunakan deria rasa/sentuh	4.085	0.487	4
5.	Motivasi olehibu bapa	4.060	0.420	5
6.	Keperluan masa lewat petang	3.949	0.795	6
7.	Keperluan mobiliti	3.835	0.582	7
8.	Motivasi kendiri	3.830	0.56	8
9.	Belajar sendiri/rakan sebaya	3.682	0.566	9
10.	Keperluan masa lewat pagi	3.631	0.542	10
11.	Belajar dengan membuat sesuatu	3.598	0.622	11
12.	Rekabentuk	3.508	0.512	12
13.	Belajar dengan deria pendengaran	3.482	0.689	13
14.	Cahaya	3.407	0.456	14
15.	Sikap bertanggungjawab	3.298	0.426	15
16.	Keperluan masa petang	3.146	0.421	16
17.	Ketekunan	3.131	0.499	17
18.	Suhu	2.963	0.659	18
19.	Kehadiran orang berautoriti	2.938	0.998	19
20.	Belajar dengan deria penglihatan	2.931	0.736	20
21.	Keperluan makan/minum	2.863	0.646	21
22.	Bunyi	2.468	0.535	22

Jadual 4.4 menunjukkan analisis gaya pembelajaran pelajar secara keseluruhan berdasarkan elemen-elemen dalam gaya pembelajaran. Berdasarkan jadual tersebut didapati gaya pembelajaran pelajar yang paling dominan atau ketara secara keseluruhannya bagi pelajar-pelajar tingkatan empat aliran teknik Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, ialah belajar dengan pelbagai cara. Ini diikuti dengan gaya pembelajaran struktur, motivasi guru, belajar dengan menggunakan deria rasa atau sentuh, motivasi oleh ibu bapa, keperluan masa lewat petang keperluan mobiliti, motivasi kendiri, belajar sendiri atau dengan rakan, keperluan masa lewat pagi, belajar dengan membuat sesuatu, reka bentuk, belajar dengan deria pendengaran, keperluan cahaya, sikap bertanggungjawab, keperluan masa petang, ketekunan, suhu, kehadiran orang yang berautoriti, belajar dengan deria penglihatan, keperluan makan dan minum dan keperluan bunyi.

4.4 Perbandingan Pencapaian Akademik Pelajar Berdasarkan Jantina Pelajar

Jadual 4.5 menunjukkan perbandingan skor min tahap pencapaian akademik antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan bagi menguji hipotisis berikut:

Ho. 1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pencapaian akademik pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

Jadual 4.5

Ujian-t Perbandingan Tahap Pencapaian Akademik Antara Pelajar Lelaki Dengan Pelajar Perempuan

Aspek	Jantina	Bil.	Min	Sisihan Lazim	Nilai-t	Tahap Signifikan (p)
Tahap Pencapaian Akademik	Lelaki Perempuan	60 37	31.40 31.51	5.969 5.891	-0.091	0.927

* Tahap Signifikan $P < 0.05$

** Tahap Signifikan $P < 0.01$

Berdasarkan Jadual 4.5 didapati Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap pencapaian akademik antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ialah -0.091 dan tahap signifikan ialah $p=0.927$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa hipotesis nol (H_0) diterima. Jadi tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pencapaian akademik pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan, tahap pencapaian akademik pelajar lelaki dengan pelajar perempuan tingkatan empat aliran teknik Sekolah Menengah Teknik Juasseh adalah sama.

4.5 Perbandingan Pencapaian Akademik Pelajar Berdasarkan Aliran Pengajian

Jadual 4.6 menunjukkan perbandingan skor min tahap pencapaian akademik antara pelajar aliran pengajian kejuruteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan pengajian kejuruteraan awam bagi menguji hipotesis berikut:

Ho.2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pencapaian akademik antara pelajar aliran pengajian kejuruteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan kejuruteraan awam.

Jadual 4.6

Ujian ANOVA Perbandingan Tahap Pencapaian Akademik Antara Pelajar Aliran Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Jentera dan Kejuruteraan Awam

Aspek	Sumber Variasi	Jumlah Kuasadua	Darjah Kebebasan	Min Kuasadua	Nilai-f	Tahap Signifikan (p)
Tahap Pencapaian Akademik Pelajar	Antara Kumpulan Dalam Kumpulan Jumlah	112.742 3239.196 3351.938	2 94 96	56.371 34.460	1.636	0.200

* Tahap Signifikan $P < 0.05$

** Tahap Signifikan $P < 0.01$

Berdasarkan Jadual 4.6 didapati Nilai-F bagi perbandingan skor min tahap pencapaian akademik antara pelajar aliran pengajian kejuruteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan kejuruteraan awam ialah 1.636 dan tahap signifikan ialah $p=0.200$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa hipotesis nol (H_0) diterima. Jadi tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pencapaian akademik antara pelajar aliran pengajian kejuruteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan kejuruteraan awam. Dalam lain perkataan tahap pencapaian akademik pelajar aliran kejuruteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan kejuruteraan awam adalah sama.

4.6 Perbandingan Gaya Pembelajaran Berdasarkan Faktor Rangsangan Mengikut Jantina Pelajar

Jadual 4.7 menunjukkan perbandingan skor min gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dengan perempuan bagi menguji hipotesis berikut:

H_0 .3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya pembelajaran pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

Jadual 4.7

Ujian-t Perbandingan Gaya Pembelajaran antara Pelajar Lelaki Dengan Pelajar Perempuan

Faktor Rangsangan Gaya Pembelajaran	Jantina	Bilangan	Min	Sisihan Lazim	Nilai-t	Tahap Signifikan (p)
Rangsangan Persekutaran	Lelaki	60	3.068	0.265	-0.882	0.380
	Perempuan	37	3.117	0.278		
Rangsangan Emosi	Lelaki	60	3.591	0.247	-1.009	0.315
	Perempuan	37	3.639	0.202		
Rangsangan Sosial	Lelaki	60	3.627	0.425	0.389	0.698
	Perempuan	37	3.592	0.431		
Rangsangan Fizikal	Lelaki	60	3.595	0.288	-0.741	0.40
	Perempuan	37	3.631	0.184		

* Tahap Signifikan $P < 0.05$

** Tahap Signifikan $P < 0.01$

Berdasarkan Jadual 4.7 didapati Nilai-t bagi perbandingan gaya pembelajaran bagi faktor rangsangan persekitaran antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ialah -0.882 dan tahap signifikan ialah $p=0.380$. Bagi faktor rangsangan emosi, nilai-t ialah -1.009 dan tahap signifikan $p=0.315$. Bagi faktor rangsangan sosiologikal,

nilai-t ialah 0.389 dan tahap signifikan $p=0.698$. Bagi faktor rangsangan fizikal, nilai-t ialah -0.741 dan tahap signfikan $p=0.40$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa hipotesis nol (H_0 .3) diterima. Jadi tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan gaya pembelajaran pelajar lelaki dengan perempuan tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juaaseh adalah sama.

4.7 Perbandingan di antara Pencapaian Akademik dengan Gaya Pembelajaran Berdasarkan Aliran Pengajian

Jadual 4.8 menunjukkan perbandingan gaya pembelajaran antara pelajar aliran pengajian kejuruteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan kejuruteraan awam bagi menguji hipotesis berikut:-

Ho.4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya pembelajaran antara pelajar aliran pengajian kejuruteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan kejuruteraan awam.

Jadual 4.8

Ujian ANOVA Perbandingan Gaya Pembelajaran Antara Pelajar Aliran Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Jentera dan Kejuruteraan Awam

Faktor Gaya Pembelajaran	Sumber Variasi	Jumlah Kuasadua	Darjah Kebebasan	Min Kuasadua	Nilai-f	Tahap Signifikan (p)
Rangsangan Persekutaran	Antara Kumpulan	0.0748	2	0.0374	0.510	0.602
Rangsangan Emosi	Antara Kumpulan	0.372	2	0.186	3.677	0.029
Rangsangan Sosiologikal	Antara Kumpulan	0.0293	2	0.0146	0.079	0.924
Rangsangan Fizikal	Antara Kumpulan	0.0357	2	0.0179	0.276	0.759

* Tahap Signifikan $P < 0.05$

** Tahap Signifikan $P < 0.01$

Berdasarkan Jadual 4.8 didapati Nilai-F bagi perbandingan gaya pembelajaran berdasarkan faktor rangsangan persekitaran antarapelajar aliran pengajian kejuruteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan kejuruteraan awam ialah 0.510 dan tahap signifikan ialah $p=0.602$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Nilai-F bagi perbandingan gaya pembelajaran berdasarkan faktor rangsangan emosi ialah 3.677 dan tahap signifikan ialah 0.029. Tahap signifikan ini

lebih kecil daripada 0.05 ($p<0.05$). Nilai-F bagi perbandingan gaya pembelajaran berdasarkan faktor rangsangan sosiologikal ialah 0.079 dan tahap signifikan 0.924. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Nilai-F bagi perbandingan gaya pembelajaran berdasarkan faktor rangsangan fizikal ialah 0.276 dan tahap signifikan 0.759. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Berdasarkan dapatan ini dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi gaya pembelajaran berdasarkan faktor rangsangan persekitaran, sosiologikal dan fizikal antara pelajar pengajian kejuruteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan kejuruteraan awam. Dalam lain perkataan gaya pembelajaran pelajar-pelajar dari pelbagai aliran adalah sama.

Walaubagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan dari segi gaya pembelajaran berdasarkan faktor rangsangan emosi antara pelajar aliran pengajian kejuruteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan kejuruteraan awam.

4.8 Korelasi Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Jadual 4.9 menunjukkan korelasi antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar bagi menguji hipotesis nol berikut:-

Ho.5. Tidak terdapat korelasi yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik.

Jadual 4.9**Matrik Korelasi Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar**

Faktor Rangsangan Gaya Pembelajaran	Pencapaian Akademik
Rangsangan Persekutaran	$r = -0.118$ $p = 0.249$
Rangsangan Emosi	$r = -0.047$ $p = 0.647$
Rangsangan Sosial	$r = 0.077$ $p = 0.453$
Rangsangan Fizikal	$r = 0.020$ $p = 0.842$

* Tahap Signifikan $P < 0.05$

** Tahap Signifikan $P < 0.01$

Jadual 4.9 menunjukkan matrik korelasi antara gaya pembelajaran bagi setiap faktor rangsangan dengan pencapaian akademik. Berdasarkan jadual tersebut didapati nilai korelasi antara gaya pembelajaran yang dirangsang oleh faktor persekitaran dengan pencapaian akademik ialah $r=-0.118$ dan tahap signifikan $p=0.249$ ($P>0.05$). Nilai korelasi antara gaya pembelajaran yang dirangsang oleh faktor emosi dengan pencapaian akademik ialah $r=-0.047$ dan tahap signifikan $p=0.647$ ($P>0.05$). Nilai korelasi antara gaya pembelajaran yang dirangsang oleh faktor sosiologikal dengan pencapaian akademik ialah $r=0.077$ dan tahap signifikan $p=0.453$ ($P>0.05$). Nilai korelasi antara gaya pembelajaran yang dirangsang oleh

faktor emosi dengan pencapaian akademik ialah $r=0.020$ dan tahap signifikan $p=0.842$ ($P>0.005$). Ini menunjukkan hipotesis nol (H_0 .5) diterima. Jadi tidak terdapat korelasi yang signifikan antara gaya pembelajaran samada yang dirangsang oleh faktor rangsangan persekitaran, emosi, sosiologikal mahupun fizikal dengan pencapaian akademik pelajar.

Jadual 4.10

Analisis Perbandingan Gaya Pembelajaran Pelajar Lelaki dan Perempuan Berdasarkan Faktor Rangsangan

Rangsangan Pembelajaran	Lelaki		Perempuan	
	Skor Min	Urutan Keutamaan	Skor Min	Ukuran Keutamaan
1. Rangsangan Sosial	3.627	1	3.592	1
2. Rangsangan Fizikal	3.595	2	3.631	3
3. Rangsangan Emosi	3.591	3	3.639	2
4. Rangsangan Persekutaran	3.068	4	3.117	4